

DAP tidak suka Islam

KUALA LUMPUR: Tindakan DAP yang menentang orang Cina memeluk Islam tetapi tidak mengambil kisah mengenai penukaran agama orang Cina kepada Kristian adalah bukti sikap pemimpin parti itu yang tidak suka kepada agama Islam dan orang Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, tindakan DAP yang ekstrim di segi perkawinan dan menyalahgunakan agama, hanya bertujuan mahu melihat parti komponen Barisan Nasional (BN) dan rakyat negara ini, berpecah belah.

"Kita sentiasa perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap pihak tertentu, terutama parti lawan yang ingin melihat kita berpecah belah.

"Parti bukan Melayu dalam BN tidak harus berlumba-lumba dengan DAP dalam hal ini. Tidak ada paksaan dalam Islam. Islam tidak menyuruh sesiapa memeluk Islam melalui paksaan atau penipuan. Mereka harus menerima Islam secara rela hati," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA di Dewan San Choon, Wisma MCA, semalam.

Sehubungan itu, katanya, tidak ada sebab parti komponen BN yang bukan Islam harus terperangkap dengan perkara yang sengaja diadakan DAP.

"Demikian juga dengan hukum hudud yang digunakan Pas untuk cuba memerangkap Umno. 'Hukum hudud' Pas dan hukum hudud Islam bukanlah perkara yang sama. Umno tetap tidak akan menyokong hukum 'hudud Pas'," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, DAP tidak jujur dan sanggup berbuat apa saja untuk mencapai objektifnya, termasuk bergabung dengan Pas dan Semangat 43 sekalipun prinsip politik mereka saling bertentangan.

"Sentimen orang Cina adalah alat DAP. Mereka tidak menghiraukan kesan yang boleh timbul daripada tindakan membakar perasaan orang Cina," katanya.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, MCA lebih mampu menyatupadukan kaum Cina dan yakin parti itu akan terus mendapat sokongan mereka.

Dr Mahathir juga mahu persefahaman sebagaimana kalangan pemimpin dalam komponen BN diperluaskan kepada ahli biasa semua parti untuk mengukuhkan lagi BN.